

28 MAY 1996

Hari Pengguna

PM LANCAR PERTANDINGAN KELUARGA HIDUP SELESA

KLANG, 28 Mei (Bernama) -- Satu pertandingan "Hidup Selesa" berdasarkan pendapatan keluarga di bawah RM1,500 sebulan akan diadakan sempena pelancaran sambutan Hari Pengguna Sedunia tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengisytiharkan pertandingan itu pada majlis pelancaran sambutan Hari Pengguna Sedunia 1996 pada 4 Jun yang akan berlangsung di Dewan Mukhtamar, Pusat Islam di sini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Haji Abu Hassan Omar hari ini berkata pertandingan itu bertujuan menanamkan nilai-nilai kesederhanaan dan jimat-cermat supaya sesebuah keluarga dapat hidup selesa dengan pendapatan di RM1,500 sebulan.

"Pertandingan ini untuk memilih keluarga yang dianggap telah dapat menjalani hidup yang bahagia dan selesa berdasarkan pendapatan bulanan keluarga sebanyak itu," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata pada majlis itu juga akan diumumkan pemenang anugerah Tokoh Pengguna, Anugerah Majlis Hal Ehwat Pengguna Negeri dan Daerah yang paling aktif, Kelab Pengguna Sekolah terbaik dan Kedai Harga Patut terbaik.

Katanya, sambutan tahun ini sekali lagi memberi penekanan terhadap kempen anti inflasi dengan mengekalkan tema kempen tahun lepas "Inflasi Sifar Sasaran Kita" manakala tema khasnya ialah "Berbelanja Dengan Berhemah Untuk Kebahagiaan Keluarga".

Abu Hassan berkata penekanan terhadap kempen inflasi sifar bagi mengukuhkan usaha kerajaan mengawal kenaikan harga barangan khasnya 75 jenis barangan keperluan yang biasa digunakan oleh kumpulan berpendapatan RM1,500 sekluarga sebulan.

"Dengan penstabilan harga barangan keperluan, kumpulan ini akan dapat menikmati hasil pembangunan negara melalui kos sara hidup yang murah," katanya.

Sebanyak 2,000 jemputan dijangka hadir pada pelancaran sambutan itu di peringkat kebangsaan, yang kemudiannya akan disusuli dengan pelbagai kegiatan sambutan di peringkat negeri dan daerah. -- Bernama

MNY NMO